



PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PELAJAR PROGRAM PRASISWAZAH YANG TERKESAN AKIBAT KRISIS PANDEMIK COVID-19

1. Latihan industri boleh dilaksanakan seperti lazimnya dengan mengikuti garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Universiti dan industri/organisasi serta mana-mana peraturan yang berkaitan. Jika pihak industri/organisasi memberi kebenaran kepada pelajar untuk meneruskan bekerja secara dari rumah (WFH) sehingga tamat tempoh latihan industri, maka dengan ini haruslah diterima pakai sebagai sebahagian daripada proses menjalankan latihan industri. Kaedah penyeliaan, pentaksiran dan penilaian latihan industri oleh penyelia Fakulti boleh dilaksanakan menerusi secara atas talian.
2. Latihan industri juga boleh dilaksanakan dengan kaedah alternatif lain yang bersesuaian dengan memberi penekanan atau berorientasikan kepada aspek pendedahan industri. Keutamaan pelaksanaan kaedah alternatif ini diberikan kepada pelajar dengan perincian seperti berikut:
 - a) Pelajar yang tidak dapat mendapat penempatan latihan industri akibat krisis pandemik Covid-19.
 - b) Pelajar dalam kategori Perkara 1 tetapi menghadapi kesukaran sehingga tidak dapat menyempurnakan latihan industri.
3. Kaedah alternatif latihan industri yang bersesuaian perlu memenuhi kriteria berikut:
 - a) Kajian kes yang berasaskan kepada industri; ATAU
 - b) Projek penyelidikan menerusi dengan kerjasama industri; ATAU
 - c) Projek komuniti berasaskan bidang program pengajian dengan kerjasama industri; ATAU
 - d) Kertas kajian/projek /geran dalaman berasaskan penyelesaian masalah industri

Sekiranya penyeliaan, pentaksiran dan penilaian hanya terhad dilakukan oleh penyelia Fakulti, Fakulti perlu memastikan projek yang dilaksanakan mengandungi elemen industri.

4. Pelaksanaan kaedah alternatif ini tertakluk kepada kelulusan Dekan dengan mengambilkira kesesuaian bidang program pengajian, pertimbangan kelulusan badan-badan profesional program yang berkaitan serta memenuhi hasil pembelajaran yang telah

dinyatakan dalam maklumat program pengajian masing-masing dan dasar latihan industri UMP.

5. Bagi pelajar yang telah mendapat penempatan latihan di sesebuah industri namun terpaksa tukar syarikat akibat krisis pandemik, kelulusan fakulti dan industri diperlukan untuk membenarkan pelajar menarik daripada meneruskan menjalani latihan di industri tersebut.
6. Merujuk kepada situasi semasa, Fakulti perlulah mempertimbangkan untuk memudahcara dalam pelaksanaan latihan industri bagi pelajar yang terlibat. Bagi pelajar yang menyelesaikan latihan industri sekurang-kurangnya 80 peratus daripada tempoh latihan industri, Fakulti boleh mempertimbangkan bahawa pelajar telah mencapai tahap minimum latihan industri mereka dan mereka tidak perlu melengkapkan tempoh baki latihan industri. Walau bagaimanapun, perkara ini tertakluk kepada kesesuaian bidang program pengajian dan pertimbangan daripada badan-badan profesional berkaitan.
7. Sekiranya pelajar mengalami kesukaran bagi meneruskan latihan industri seperti dalam Perkara 1, mereka boleh membuat pilihan sama ada:
 - a) Memilih meneruskan latihan industri dengan menukar tempat industri yang lain; **ATAU**
 - b) Penggunaan kaedah pendekatan yang dinyatakan seperti dalam Perkara 3: **ATAU**
 - c) Menangguhkan terlebih dahulu latihan industri dan melaksanakan semula pada tahun akhir pengajian (khususnya program Sarjana Muda Kejuruteraan).
8. Segala keputusan dalam pemakluman ini adalah terpakai kepada semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma termasuk pelajar dibawah program kerjasama.

Garis panduan ini disuaipadankan daripada garis panduan yang diedarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 8 Februari 2021 dan Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) pada 5 Jun 2021. Garis panduan ini terpakai kepada semua program tertakluk kepada kuasa budi bicara Fakulti

Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya (CPDC)
Jabatan Pembangunan Graduan
Universiti Malaysia Pahang
8 Julai 2021